



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 3, June 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Kajian Kes Interaksi Sosial dalam kalangan Pelajar Pelbagai Etnik ke arah Pengukuhan Integrasi Nasional

'Adlina Binti Abdul Khalil¹, Rosfazila Binti Abd Rahman², Hairol Anuar Mak Din³

¹Pusat Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS)

²Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

³Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Correspondence: 'Adlina Binti Abdul Khalil (adlina@unishams.edu.my)

Abstrak

Kajian ini menghuraikan kajian kes interaksi sosial dalam kalangan pelajar pelbagai etnik ke arah pengukuhan integrasi nasional. Kajian ini mengenal pasti faktor yang mendorong interaksi sosial pelajar melalui aktiviti kokurikulum seperti sukan dan persatuan di sekolah. Dapatan temu bual secara individu dan berkumpulan di dua buah sekolah menengah di daerah Kuala Ketil, Kedah mendapati wujud konflik dan stereotaip dalam kalangan pelajar, namun sikap untuk mempelajari budaya dan menerima perbezaan yang terdapat antara etnik dilihat wujud. Kajian menunjukkan bahawa faktor mempengaruhi interaksi sosial pelajar ialah faktor luaran seperti pengaruh persekitaran sekolah dan rakan sebaya serta faktor dalaman seperti faktor intrapersonal pelajar itu sendiri. Bagi mengukuhkan interaksi sosial pelajar, beberapa strategi telah dijalankan oleh sekolah melalui aktiviti kokurikulum seperti sukan dan persatuan. Kesimpulannya, interaksi sosial yang baik dalam kalangan pelajar pelbagai etnik amat penting dan memerlukan usaha pengukuhan khususnya pentadbir sekolah agar keharmonian dan kemakmuran negara dapat dikekalkan.

Kata kunci: interaksi sosial, pelajar pelbagai etnik, strategi integrasi nasional

A Case Study on Social Interaction Among Multi-Ethnic Students to Maintain National Integration

Abstract

This is a case study research that is trying to identify a social interaction among multi ethnic students to maintain national integration. This research is concern on the factors that influence social interaction among students through co-curriculum activities like participate in sports and clubs at school. Findings from interview session individually and grouping at two secondary schools at Kuala Ketil, Kedah shown there is a conflict and stereotype among students, however feeling to learn and accept the differences within ethnics still exist. Throughout the research, it shows that factors from external influence comes from school and peer groups. However, in the part of internal influence it is from student's intrapersonal factor. In order to maintain social interaction among students, strategies had been taken by school through co-curriculum activities like sports and clubs. As a conclusion, a good social interaction among multiethnic students very important and need support from school's administrator to maintain and sustain the harmonius and glory of the nation.

Keywords: social interaction, multi-ethnic, national integration strategy

Pengenalan

Interaksi sosial adalah penting dalam sebuah negara berbilang etnik. Melalui interaksi sosial yang baik, perpaduan negara akan terjamin. Peristiwa 13 Mei 1969 serta peristiwa Kampung Medan 12 Mac 2001 seharusnya dijadikan pedoman kepada masyarakat supaya perkara yang sama tidak berulang lagi. Peristiwa tersebut merupakan cetusan daripada sikap prejudis dan saling tidak mempercayai antara etnik beserta dengan polarisasi dan jurang sosial yang diwarisi semenjak sebelum merdeka (Zaid, Ruslan, Sarjit Singh, Ahmad Tarmizi, Ho Hui Ling, Lee Yok Fee, Najeemah & Nazri, 2017). Perpaduan dan interaksi sosial perlu bermula semenjak awal lagi. Institusi keluarga, sekolah dan pekerjaan boleh dijadikan medium kepada pemantapan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat. Interaksi sosial merujuk kepada cara bagaimana seseorang individu itu bertindak balas antara satu sama lain. Ia boleh berlaku secara berhadapan, melalui telefon ataupun melalui komputer (Schaefer, 2005). Terdapat pelbagai usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam memastikan wujudnya interaksi sosial dalam kalangan rakyat di Malaysia. Lee Lam Thye (2011) melihat konsep Gagasan 1Malaysia dapat meningkatkan usaha integrasi rakyat melalui sukan dan aktiviti kokurikulum. Melalui seumpama ini, pemupukan pemahaman tentang pentingnya perpaduan akan terbentuk dalam masyarakat.

Dalam hierarki sosial, institusi pendidikan seperti sekolah boleh dianggap sebagai unit terpenting selepas institusi keluarga kerana dari sini, personaliti, kemahiran dan pengetahuan individu boleh dibentuk. Berdasarkan perspektif fungsionalisme, institusi pendidikan berfungsi untuk menyalurkan kebudayaan dan agen perubahan sosial (Rohana, 2001). Sekolah juga boleh berfungsi sebagai satu bentuk kawalan sosial. Di sekolah terdapat berbagai-bagai hukuman yang dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan. Secara tidak langsung setiap individu akan belajar unsur-unsur disiplin, tekun, kerjasama, tepat pada waktu, hormat-menghormati dan sebagainya (Rohana, 2001).

Sekolah adalah satu entiti, organisasi mahupun institusi yang melaksanakan aktiviti mengurus, mengajar dan mendidik. Aktiviti-aktiviti ini begitu luas skopnya dan ditambah pula dengan aktiviti sokongan iaitu mengurus supaya kedua-dua aktiviti teras dapat mencapai matlamatnya (Ab. Rahim, 2000).

Seterusnya, pendidikan kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah merupakan aktiviti yang sangat berfaedah kepada mereka. Aktiviti ini seharusnya diikuti oleh setiap pelajar sama ada ia dilaksanakan di dalam ataupun di luar bilik darjah bergantung kepada keperluan dan kesesuaian sesuatu aktiviti. Aktiviti ini penting diikuti pelajar untuk membolehkan mereka memperoleh seberapa banyak pengalaman, kemahiran dan pengetahuan untuk mengembangkan kredibiliti yang ada pada diri mereka. Ini juga berlandaskan andaian bahawa setiap pelajar jika diberikan peluang akan berupaya menyerlahkan ke arah perkembangan bakat, minat, mental, jasmani, sahsiah, rohani dan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif (Hamid, Azali, Mohd. Ra'in, Adenan & Abdullah, 2012).

Matlamat kokurikulum diwujudkan adalah untuk menyemai perasaan muhibah, perpaduan, integrasi nasional dalam kalangan generasi muda dan peningkatan disiplin pelajar seriat mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah (Hamid, Azali, Mohd. Ra'in, Adenan & Abdullah, 2012).

Objektif Kajian

- i. Melihat tahap interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbilang etnik di sekolah menengah melalui aktiviti kokurikulum.
- ii. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi sosial dalam kalangan pelajar berbilang etnik.
- iii. Mencadangkan strategi pengukuhan integrasi nasional dalam kalangan pelajar berbilang etnik.

Metod Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan dua kaedah sahaja dalam pengumpulan data iaitu kaedah temubual dan pemerhatian yang dijalankan dengan peserta. Kaji selidik ini telah dijalankan ke atas 12 orang pelajar tingkatan empat dan lima yang berlainan etnik iaitu, empat orang etnik Melayu, empat orang etnik Cina dan empat orang etnik India. Temu bual merujuk kepada proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau satu kumpulan kecil secara bersemuka. Tujuan pertemuan ini untuk melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang.

Kahn dan Cannell (1957) menjelaskan temu bual sebagai perbuatan yang mempunyai tujuan tertentu. Manakala Zelditch (1962) mendefinisikan temu bual sebagai satu cara untuk pengumpulan data yang amat efisien dan melibatkan interaksi sosial bagi mendapatkan data yang mencukupi daripada responden. Kdushin (1993) pula menjelaskan temu bual bermaksud perbualan yang mempunyai matlamat (Ghazali & Sufean, 2016).

Manakala jenis soalan yang diajukan adalah berbentuk temu bual berstruktur. Jumlah soalan-soalan temu bual yang akan ditanya adalah sama kepada semua informan atau partisipan tanpa melibatkan pengurangan atau penambahan soalan. Semua soalan yang ditanya dibina secara spesifik yang disusun mengikut susunan tertentu adalah merujuk kepada temu bual berstruktur (Ghazali & Sufean, 2016). Ini bermakna, peserta digalakkan menceritakan tentang diri sendiri berdasarkan beberapa soalan yang telah disediakan. Tugas penemubual ialah membimbing peserta berucap dengan menggunakan teknik dan kemahiran mencungkil, konfrontasi, stimulasi, inkuiri, refleksi dan interpretasi (Mok, 2010).

Dapatan Kajian

Faktor Pelajar

Hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan informen yang melibatkan diri dalam persatuan memilih Persatuan Bulan Sabit Merah. Pelajar lebih berminat untuk menyertai persatuan ini berbanding Persatuan Bahasa Melayu, Puteri Islam dan Kadet Remaja Sekolah. Majoriti pelajar menyatakan bahawa aktiviti berpersatuan membantu mereka mengenal rakan berbilang etnik dimana keseluruhan pelajar Melayu bersetuju terhadap perkara berikut diikuti pelajar Cina dan India. Manakala bagi aktiviti sukan telah dikaji kecenderungan pelajar terhadap 11 aktiviti sukan iaitu bola sepak, bola baling, bola jaring, hoki, bola tampar, badminton, sepak takraw, olahraga, bola keranjang, senamrobik dan gimrama.

Berdasarkan kepada 11 aktiviti ini, aktiviti sukan yang paling digemari oleh mereka adalah bola sepak dan bola keranjang. Bagi para pelajar, mereka berminat untuk menyertai Hari Sukan Sekolah tanpa paksaan kerana merasakan melalui aktiviti seumpama ini mereka akan mengetahui bakat yang ada dalam diri dan mungkin akan dapat mewakili sekolah suatu hari nanti. Hal ini disebabkan penglibatan yang aktif dalam sukan dianggap sebagai tambah nilai untuk digunapakai apabila membuat permohonan untuk melanjutkan pengajian tinggi nanti.

Pengaruh personaliti dan jantina turut memainkan peranan penting dalam pemilihan aktiviti sukan dan persatuan. Kebanyakan pelajar lelaki meminati aktiviti lasak seperti bola sepak, bola baling dan bola keranjang. Oleh itu, aktiviti ini lebih digemari oleh pelajar lelaki berbanding pelajar perempuan yang lebih gemar kepada aktiviti seperti gimrama, olahraga, bola jaring dan badminton.

Pengaruh rakan sebaya

Selain daripada pengaruh ibu bapa dalam kehidupan pelajar, rakan sebaya juga merupakan pengaruh yang kuat dalam proses sosialisasi. Bandura (1977), dalam penyelidikannya menyatakan bahawa kanak-kanak lebih cenderung untuk meniru tingkah laku yang diberi penghormatan tinggi dalam sosial dan juga tingkah laku berpengaruh dari rakan-rakan. Berdasarkan kajian ini, ada pelajar yang memilih

untuk menyertai persatuan dan aktiviti sukan tertentu adalah disebabkan rakan mereka menyertai persatuan atau aktiviti sukan tersebut. Alasan yang diberikan adalah mereka akan merasa akan lebih yakin kerana rakan akan menerangkan dan membantu dalam perkara yang tidak difahami apabila tugas persatuan diberikan oleh guru penasihat.

Selain itu, rakan sebaya juga dianggap individu yang akan mencetuskan motivasi dalam diri mereka. Pandangan dan teguran yang diberikan akan membantu mereka memperbaiki kemahiran bermain dan ada teman yang memberikan komentar dalam aksi yang dipersembahkan. Motivasi berasal daripada perkataan Latin *'movere'* yang bermaksud *'to move'* atau untuk bergerak. Menurut Baron (1992) dan Schunk (1990) dalam Slavin (1997), *'motivation as an internal process that activates, guides and maintain behavior over time. In plain language, motivation is what gets you going, keeps you going, and determines where you are trying to go'*. Slavin juga mengatakan motivasi antara seorang individu dengan seorang individu yang lain berbeza dari segi arah dan kekentalannya (*intensity*). Ciri-ciri motivasi termasuk ia wujud akibat keperluan fisiologi atau psikologi, ia merupakan sesuatu insentif untuk mencapai sesuatu matlamat yang ditentukan dan aras motivasi akan meningkat selari dengan kadar keinginan. Semakin kuat keinginan untuk mencapai sesuatu matlamat, semakin tinggi motivasi (Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz, 2008).

Mengikut Enswistle, Cohler dan Cowell (1971), motivasi merupakan faktor tingkah laku pelajar terhadap apa yang hendak dilakukannya. Mengikut Elton (1988), motivasi adalah proses membangkit, mengekal dan mengawal minat, dengan itu motivasi menentukan arah dan perihai efisiennya pembelajaran (Nurul Hudani & Balan, 2010). Bagi para informen yang telah ditemu bual, mereka menyatakan bahawa aktiviti sukan memerlukan seseorang itu mempunyai motivasi dalam diri untuk berjaya.

Pengaruh persekitaran sekolah

Hasil daripada temubual yang dijalankan antara kumpulan informen ini dan beberapa orang guru di Sekolah Menengah di daerah Kuala Ketil mendapati, tahap integrasi antara pelajar berbilang etnik di sekolah berkenaan adalah dalam keadaan baik. Integrasi antara pelajar di sekolah ini wujud sejak dahulu lagi. Akan tetapi, tahap interaksi sosial antara pelajar agak lemah sedikit bermula dari tingkatan 1 hingga tingkatan 4, berbanding tingkatan 5 dan 6.

Hasil temu bual bersama salah seorang guru menunjukkan hal ini berlaku kerana pada peringkat sekolah rendah, kebanyakan pelajar etnik Cina dan India bersekolah di sekolah jenis kebangsaan yang hanya tertumpu kepada etnik masing-masing. Apabila mereka masuk ke alam persekolahan menengah, bermula dari tingkatan 1 hingga 4 ialah fasa penyesuaian diri bagi mereka untuk berinteraksi sosial dengan pelbagai etnik. Permasalahan interaksi sosial ini telah diatasi oleh pihak pengurusan sekolah dengan menggalakkan para pelajar berbeza etnik menjalankan aktiviti secara bersama dalam aktiviti persatuan mahupun sukan.

Para pelajar di sini turut menghormati guru-guru mereka yang berlainan etnik, pelajar juga dapat menerima pembelajaran dari guru yang berbeza etnik, buktinya adalah, di sekolah tersebut terdapat guru yang berbangsa India dan bukan beragama Islam mengajar mata pelajaran Sejarah Islam dan para pelajar Melayu dapat menerima pengajaran guru tersebut. Para pelajar dapat menghormati semua guru berlainan bangsa, akan tetapi, mereka lebih menghormati kepada guru yang sama bangsa dengan mereka, sudah menjadi lumrah kepada manusia akan lebih menghormati dan menyayangi seseorang yang mempunyai persamaan dengan mereka.

Seterusnya pihak sekolah juga melibatkan pelajar berbilang etnik dalam pemilihan pegawai dan badan kepimpinan. Bagi pihak pengurusan, kredibiliti, kemahiran dan kepimpinan itu bukan terletak kepada sesuatu etnik sahaja. Peluang dan ruang perlu diberikan bagi menghargai kemahiran yang ada dalam diri mereka. Konsep perpaduan etnik boleh dilihat dalam kalangan pelajar apabila tidak berlaku konflik besar sekiranya seorang pengawas menegur atau meletakkan hukuman kepada pelajar yang berlainan kumpulan etnik dengan beliau. Namun hanya terdapat konflik kecil seperti pegaduhan mulut atas

denda yang diberikan dalam kalangan pelajar dan pengawas yang bukan dari kumpulan etnik yang sama.

Kesimpulan

Keunikan negara Malaysia adalah wujudnya masyarakat pelbagai kaum. Kepelbagaian ini secara tidak langsung menampakkan variasi dari aspek budaya, bahasa dan adat. Kesefahaman dan toleransi adalah aspek penting dalam memastikan rakyat hidup dalam aman dan damai, jauh dari konflik dan perasaan negatif terhadap orang lain. Sesungguhnya, keadaan yang harmoni ini perlu diterap semenjak awal lagi supaya masyarakat sedar peri pentingnya perpaduan dalam masyarakat. Inisiatif yang telah dibuat oleh pihak sekolah dengan mengenalpasti masalah interaksi dan komunikasi yang bersarang dalam diri para pelajar merupakan tindakan positif. Ini kerana, usaha penyelesaian boleh diambil supaya perkara ini tidak berterusan. Selain itu, penglibatan para pelajar dalam aktiviti sukan dan persatuan dapat mengeratkan lagi hubungan pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum. Ini disebabkan penglibatan ahli dalam aktiviti seumpama ini tidak terhad kepada satu kelompok etnik sahaja. Diharap kajian ini dapat memberi panduan kepada semua masyarakat bahawa 'kesatuan dalam kepelbagaian' adalah aspek penting dalam memastikan agenda pembangunan negara dapat diteruskan.

Rujukan

- Ab. Rahim Selamat.(2000). *Pengurusan Sekolah Bestari (Satu Pengenalan)*. Johor Bharu: Badan Cemerlang Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Hamid Awang, Azali Rahmat, Mohd. Ra'in Shaari, Adenan Ayob & Abdullah Yusof. (2012). *Pengurusan Kokurikulum Sekolah Rendah dan Menengah*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Mok Soon Sang.(2010). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi, Murid dan Alam Belajar*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nurul Hudani Md. Nawi & Balan Rathakrishnan. (2010). *Motivasi dalam Pembelajaran*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Rohana Yusof. (2001). *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa & Pustaka.
- Schaefer R.T. (2005). *Sociology 9th (Ed)*. New York: McGraw Hill Higher Education.
- Tan Sri Lee Lam Thye. (19 Mei 2011). Tingkatkan Interaksi sosial Pelajar Pelbagai Etnik. *Utusan Malaysia*, www.Utusanonline.com.my
- Zaid Ahmad, Ruslan Zainuddin, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ho Hui Ling, Lee Yok Fee, Najeemah Mohd. Yusof & Nazri Muslim. (2017). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam:Oxford Fajar Sdn. Bhd.